

RMM 31/12/06

Penduduk Sarawak bersedia hadapi banjir

Oleh SAYED HESHAM IDRIS

Selepas dua kali banjir kecil melanda kampung ini, banjir kali ketiga selepas itu adalah banjir yang terbesar dan terburuk pernah melanda kampung kami

— Nor Bujang

KUCHING 30 Dis. — Penduduk di kawasan yang berisiko dilanda banjir di Sarawak mula bersiap sedia menghadapi kemungkinan banjir lebih besar dengan memindahkan peralatan rumah dan kenderaan ke tempat yang lebih tinggi.

Langkah itu diambil berikutan beberapa buah kampung berhampiran Kuching khususnya di Sadong Jaya dekat sini mula dinaiki air lebih satu meter semalam.

Kawasan-kawasan lain yang terletak berhampiran sungai seperti Kampung Batu Kitang, Bau dekat sini turut dinaiki air setengah meter semalam tetapi keadaan beransur surut pada sebelah petang.

Tinjauan *Mingguan Malaysia* ke Kampung

Batu Kitang iaitu antara kawasan yang sering dilanda banjir mendapati penduduk di situ sudah memindahkan peralatan rumah milik mereka ke tempat selamat.

Seorang penduduk, **Hayati Baha**, 40, berkata, rumahnya dinaiki air kira-kira setengah meter semalam tetapi keadaan pulih tidak lama kemudian.

Berikutan itu, katanya, beliau telah memindahkan peralatan rumah ke bahagian atas rumah dua tingkat sebagai persediaan

menghadapi banjir lebih besar.

“Kampung ini pernah dilanda banjir besar dua tahun lalu di mana hampir separuh rumah saya ditenggelami air.

“Kali ini saya sudah bersedia,” katanya.

Seorang penduduk Kampung Batu Kitang, **Nor Bujang**, 70, berkata, banjir di kawasan itu semalam adalah amaran satu lagi banjir besar bakal melanda.

Katanya, ketika banjir besar berlaku di situ dua tahun lalu, kampung tersebut terlebih

dahulu dilanda banjir kecil beberapa kali.

“Selepas dua kali banjir kecil melanda kampung ini, banjir kali ketiga selepas itu adalah banjir yang terbesar dan terburuk pernah melanda kampung kami,” katanya.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Pertahanan Awan (JPA3) Kota Samarahan berkata, banjir di beberapa kampung di Sadong Jaya khususnya Kampung Terasi semakin pulih hari ini dan air mulai surut.

Kelmarin, kerajaan negeri mengeluarkan amaran berjaga-jaga kemungkinan banjir besar akan berlaku berikutan peningkatan hujan di negeri ini sejak semalam.

Amaran dikeluarkan kepada penduduk di dua kawasan rendah di Kuching iaitu Batu Kawa dan Satok serta beberapa kawasan di daerah Bau, antaranya Kampung Keranji, Batu Kitang, Lidah Tanah, Sebuloh, Buso dan Tondong.